

ORIENTASI NILAI DAN PENILAIAN KOMUNITI ORANG ASLI DAN MELAYU DI CAMERON HIGHLANDS: SUATU ANALISIS PERBANDINGAN

Mustaffa Omar

Abstrak

Kajian ini bermula daripada suatu premis bahawa kefahaman tentang orientasi nilai dan penilaian sesuatu komuniti mampu menawarkan penjelasan bermakna mengapa sesuatu kelompok sosial itu memiliki persepsi, sikap dan perlakuan tertentu, di samping menjelaskan lagi mengapa wujud perbezaan pencapaian, baik bersifat ekonomi maupun sosial, di antara anggota dalam sesuatu kelompok sosial ini atau antara kelompok sosial yang berlainan. Berasaskan premis di atas, penulis telah berusaha meneroka pola-pola dominan dalam sistem nilai dan penilaian masyarakat Orang Asli di Cameron Highlands. Ini dilakukan berasas kepada penilaian subjektif mereka sendiri terhadap sesuatu situasi dan persekitaran sediawujud serta pengalaman masing-masing. Selain itu, penulis juga telah berusaha mengenalpasti perbezaan dalam orientasi nilai dan penilaian di kalangan subjek kajian daripada pelbagai latar belakang demografi dan status sosioekonomi serta perbezaan tahap pembangunan dan kemajuan yang dilalui komuniti tersebut. Kesemua ini dilakukan bukan semata-mata dengan tujuan untuk memahami sistem nilai dan penilaian yang mendasari kehidupan sosial mereka, tetapi juga berguna bagi mengesan cabaran-cabaran masa depan serta langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil oleh pihak berkenaan bagi membantu mereka untuk terus membangun dan dibangunkan.

VALUE ORIENTATION AND EVALUATION OF ABORIGINAL AND MALAY COMMUNITIES IN CAMERON HIGHLANDS: A COMPARATIVE ANALYSIS

Abstract

This study starts from the premise that an understanding of the value orientation and evaluation of a community can offer a meaningful explanation of why a particular social group has specific perceptions, attitudes and behaviors. In addition, such understanding also further clarifies why there are differences in performance, both social and economic, between members of a social group or between different social groups. On the basis of the above premises, the author was trying to explore what are the dominant patterns in the value orientation and evaluation system of indigenous peoples, particularly among the Orang Asli in the Cameron Highlands. This is done based on their own subjective assessment of an existing situation, environment and life experience respectively. In addition, the authors also try to identify the differences in value orientation and evaluation system among subjects from different demographic backgrounds and socio-economic status as well as from different levels of development and progress of the

community. All this was done not merely to understand the underlying value orientation and evaluation system of their social life, but also useful for detecting the challenges and improvement measures to be taken in the future by the authorities to help them to continue developing and developed themselves.

Pengenalan

Era pasca-DEB dan menjelang era Wawasan 2020 seharusnya membuktikan bahawa Orang Asli telah banyak mengalami perubahan dan kemajuan. Dari segi pendidikan, golongan cendekiawan Orang Asli seharusnya telah bertambah ramai dan terus meningkat. Begitu juga harapannya dalam aspek ekonomi apabila penyertaan mereka dalam bidang pekerjaan dan perniagaan sepatutnya lebih menyerlah. Malah, keterlibatan mereka dalam bidang pentadbiran, ikhtisas dan profesional juga seharusnya setanding dengan orang Melayu dan kaum-kaum bumiputera lain di negara ini. Bagaimanapun, di sebalik kemajuan yang diharapkan, sebahagian daripada Orang Asli di negara ini didapati masih ketinggalan dan terpinggir daripada arus perdana pembangunan. Ramai juga yang masih dibelenggu kemelut kemiskinan, menganggur, keciciran dalam pendidikan dan kurang latihan kemahiran.

Tulisan ini menumpukan perhatian kepada mengkaji orientasi nilai dan penilaian yang mendasari kehidupan sosial masyarakat Orang Asli daripada suku kaum Semai dalam daerah Cameron Highlands. Diandaikan permasalahan sosial dan ekonomi yang terus wujud dalam kehidupan mereka hari ini adalah berkait rapat dengan orientasi nilai dan penilaian yang mendasari pemikiran dan perlakuan mereka. Ini bermakna sebarang usaha untuk menyelami dan memahami orientasi nilai dan penilaian masyarakat Orang Asli masa kini akan membuka ruang untuk kita lebih berupaya memahami pandang dunia (*worldview*), tindakan dan perlakuan mereka, selain berkait dengan permasalahan sosial dan ekonomi yang mereka hadapi. Turut dianalisis ialah perbezaan dalam orientasi nilai dan penilaian masyarakat Orang Asli dan Melayu di kawasan kajian mengikut latar belakang sosio-demografi dan petempatan masing-masing. Kesemua ini diharap kelak dapat membantu kita memahami sejauhmana mereka mampu kelak menghadapi cabaran-cabaran pembangunan pada masa depan, selain mengenal pasti apakah pula langkah-langkah sesuai yang perlu diambil bagi menangani cabaran-cabaran ini.

Sorotan Kajian Lepas

Sistem nilai dalam sesuatu masyarakat boleh dikaji daripada dua pendekatan. Pertama, memberi fokus kepada aspek perubahan dalam sistem nilai sesebuah masyarakat akibat daripada proses pembandaran, pemodenan, pendidikan, perindustrian, perubahan teknologi (mekanisasi) dan komersialisasi. Kedua, menumpukan perhatian kepada memahami sesuatu sistem nilai dalam masyarakat dan mengenalpasti bagaimana ia berfungsi sebagai pemangkin atau penghalang kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat tersebut.

Kajian Yaacob Harun (1993) tergolong dalam pendekatan pertama apabila beliau memberi fokus kepada isu perubahan dan konflik nilai yang wujud dalam sistem kekeluargaan Melayu. Beliau mendapati proses pemodenan, perindustrian, pambandaran, perubahan teknologi, pendidikan dan pentadbiran ala-barat banyak membawa perubahan kepada nilai, bentuk, peranan dan fungsi keluarga dan perkahwinan dalam masyarakat Melayu bandar. Kajian Wan Hashim (1976, 1977) ke atas komuniti desa di Hulu Perak turut mengambil pendekatan yang sama. Beliau melihat modenisasi dan perluasan ekonomi pasaran telah mengakibatkan nilai-nilai hidup kaum tani yang berteraskan perpaduan, permuafakatan, saling tolong menolong dan bekerjasama semakin merosot. Malah, institusi-institusi sosial bersifat tradisi seperti amalan kerah, hantar-kerah, berderau, meminjam, gotong-royong, berpakat dan seumpama kini sudah kurang berfungsi dan tidak lagi dianggap penting. Kajian Abdul Hamid dan rakan-rakan (1987) juga tidak terkecuali daripada mengambil pendekatan sebegini. Mereka mendapati peningkatan mekanisasi dalam sektor perikanan dan pertanian di kalangan komuniti nelayan dan peneroka Felda bukan sahaja mewujudkan situasi ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan dan pemilikan harta, tetapi proses ini juga telah membawa perubahan dari aspek sosio-budaya termasuk sistem nilai dalam masyarakat. Urusan hidup komuniti desa suatu ketika dahulu yang dikatakan kuat berpegang kepada amalan dan nilai tradisi, kini didapati semakin luntur dan longgar. Malah, proses perolehan tenaga kerja melalui amalan gotong royong, bekerjasama, dan saling tolong menolong kini telah ditukarganti dengan penggunaan buruh upahan.

Kajian oleh Mohd. Aris Othman (1978), Rajmah A. Samad (1978) dan H.M. Dahlan (1990) pula mengambil pendekatan kedua dalam penelitian mereka. Mohd. Aris Othman (1978) dan Rajmah A. Samad (1978) dalam tulisan mereka telah mengkritik hebat pandangan sempit orientalis barat seperti R.J. Wilkinson (1967), M.G. Swift (1965), B.K. Parkinson (1967) dan G.D. Ness (1967) tentang amalan sosiobudaya dan sistem nilai orang Melayu yang dikatakan sebagai penghalang kepada kemajuan bangsa Melayu. H.M. Dahlan (1990) pula dalam kajiannya mengenai struktur kejiwaan sosial di kalangan penghuni bandar di Sabah telah cuba mengembangkan kerangka pemikiran Sutan Takdir Alisjahbana (1966) berkaitan konfigurasi nilai-nilai dalam masyarakat di Indonesia. Berdasarkan evaluasi beliau ke atas realiti bentuk ruangan bandar seperti yang dipersepsikan penghuni bandar di Sabah, H.M. Dahlan telah membina sebuah model konfigurasi nilai-nilai mengikut persepsi penghuni ruang bandar di Sabah. Dalam penelitian tersebut, beberapa rumus berikut telah beliau dibentangkan.

- i. Nilai utama yang didokong penghuni bandar di Sabah adalah nilai ekonomi. Nilai ini terletak pada hierarki teratas sekali dalam konfigurasi nilai-nilai dan penilaian di ketiga-tiga buah bandar yang dikaji - Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.
- ii. Dalam peta mental penghuni bandar di Sabah, pambandaran yang berlangsung kini telah menghasilkan struktur ruangan bandar yang kurang memberi perhatian yang cukup dan memuaskan kepada penegakan nilai-nilai dan penilaian paksi ekspresif kebudayaan yang mengandungi nilai seni dan agama/spiritual, sementara paksi progresif pula tidak imbang kerana nilai ilmu jauh tercicir daripada nilai ekonomi.

- iii. Struktur ruang bandar yang sedia wujud di Sabah dipersepsikan oleh penghuni bandar sebagai menghambat pertumbuhan dan perkembangan paksi progresif nilai ilmu (intelektual); paksi integratif nilai setiakawanan; dan paksi ekspresif nilai seni.

Tarifan Konsep

Nilai merupakan suatu aspek budaya bersifat subjektif yang diiktiraf penting dalam mempengaruhi tindakan manusia. Kroeber & Kluckhohn (1952) mentakrifkan nilai sebagai ide-ide yang menjurus kepada pengiktirafan sesuatu tindakan. Ini boleh merujuk kepada perkara-perkara berupa hasil budaya, piawai atau ide-ide yang mendapat penghargaan manusia dan dipandang penting oleh mereka, juga untuk kelompok dan warisan keturunan mereka.

Firth (1966) dalam pentakrifannya pula menganggap nilai sebagai suatu gerakusa yang dapat memandu segala tindakan sosial maupun individu. Nilai juga dianggap penting dalam melaksanakan sesuatu pemilihan, dan sekaligus menjadi penentu kepada sesuatu tindakan. Kahl (1968) dan Sikula (1971) pula merujuk nilai kepada satu kod atau standad bersifat kekal untuk suatu jangkamasa tertentu dan berfungsi mengorganisasi sesuatu sistem tindakan atau perlakuan anggota kelompok dalam satu kontinum - boleh diterima hingga tidak boleh diterima. Sutan Takdir Alisjahbana (1977) dalam takrifan beliau lebih memberi tumpuan kepada fungsi sistem nilai sebagai penentu matlamat sesuatu kelompok sosial, mencorakan pola perlakuan sosial serta menentukan cara bagaimana hubungan sosial dalam masyarakat diorganisasikan.

Berpandukan takrif nilai dan fungsinya seperti dinyatakan di atas, kajian ini bergerak di atas satu premis bahawa sistem nilai dapat mencorakan pola pemikiran dan perlakuan antara anggota sesuatu kelompok sosial. Sehubungan itu, keperihatinan kita tentang kepelbagaian paksi dan sub-domain yang wujud dalam sistem nilai boleh membantu kita menjelaskan mengapa wujud pencapaian dan kemajuan secara berbeza antara anggota dalam sesuatu kelompok sosial tersebut.

Kategori Nilai dan Pengukurannya

Kajian ini telah mengelaskan nilai kepada enam kategori atau sub-domain berasaskan tiga paksi utama. Paksi progresif diwakili dua sub-domain nilai iaitu nilai ilmu (intelektual dan teknologi) dan nilai ekonomi. Paksi integratif pula diasaskan kepada tiga sub-domain nilai, iaitu nilai kesetiakawanan dalam keluarga/hubungan sosial, nilai kuasa/politik dan nilai agama/spiritual. Nilai seni-budaya dan nilai estetika alam sekitar pula merupakan himpunan dua sub-domain nilai yang terletak dalam paksi ekspresif. Ukuran-ukuran bagi setiap kategori nilai ini diperturunkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Kategori Nilai dan Pengukurannya

Paksi	Kategori Nilai	Ukuran-Ukuran Kendalian Sebagai Proksi Nilai
Progresif	Ilmu (Intelektual & Teknologi)	Tindakan dan ekspektasi diri dan ahli keluarga dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui proses pembelajaran, latihan atau kursus, perancangan masa depan, menghadiri atau menganggotai sesuatu majlis ilmu, termasuk usaha-usaha meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran pada masa lapang.
Progresif	Ekonomi	Tindakan dan ekspektasi diri dan ahli keluarga dalam meningkatkan pencapaian ekonomi melalui proses pembelajaran, latihan atau kursus, perancangan kerjaya masa depan, menghadiri dan menganggotai sesuatu majlis ekonomi, termasuk usaha-usaha meningkatkan pencapaian ekonomi dan kerjaya pada masa lapang.
Integratif	Kesetiakawanan dalam keluarga/ hubungan sosial	Tindakan dan ekspektasi diri dan ahli keluarga dalam meningkatkan semangat setiakawan dalam keluarga dan hubungan sesama ahli masyarakat menerusi proses pembelajaran, latihan atau kursus, perancangan masa depan, mengikuti aktiviti atau menganggotai sesuatu persatuan, melibatkan diri dalam majlis kemasyarakatan, termasuk memupuk kesedaran dan keterlibatan diri/ahli keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan pada waktu lapang.
Integratif	Kuasa /Politik	Tindakan dan ekspektasi diri dan keluarga dalam meningkatkan kedudukan kuasa/wibawa menerusi proses pembelajaran, latihan atau kursus, perancangan masa depan, mengikuti aktiviti atau menganggotai sesuatu badan politik, melibatkan diri dalam majlis siasah termasuk usaha meningkatkan kesedaran diri/ahli keluarga dalam aktiviti siasah/berpersatuan pada waktu lapang.
Integratif	Agama/spiritual	Tindakan dan ekspektasi diri dan ahli keluarga dalam meningkatkan pengetahuan dan pegangan agama/spiritual menerusi proses pembelajaran, latihan atau kursus, perancangan masa depan, mengikuti aktiviti atau menganggotai sesuatu badan/organisasi keagamaan, penglibatan dalam majlis/upacara agama/spiritual, termasuk usaha meningkatkan kesedaran diri/keluarga dalam urusan agama/spiritual pada masa lapang.

Ekspresif	Seni-budaya	Tindakan dan ekspektasi diri dan ahli keluarga dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran seni budaya melalui proses pembelajaran, latihan atau kursus, perancang masa depan, menganjurkan aktiviti atau menganggotai sesuatu badan kesenian, penglibatan dalam majlis seni, termasuk usaha meningkatkan kesedaran diri/keluarga dalam urusan kesenian pada masa lapang.
Ekspresif	Estetika alam sekitar	Tindakan dan ekspektasi diri dan ahli keluarga dalam meningkatkan pengetahuan mengenai alam sekitar melalui proses pembelajaran, latihan atau kursus, perancang masa depan, menganjurkan aktiviti atau menganggotai sesuatu badan berkaitan alam sekitar, termasuk usaha meningkatkan kesedaran diri/keluarga berkaitan alam sekitar pada masa lapang.

Ukuran Realibiliti (Kebolehpercayaan)

Berikut dibentangkan tahap kebolehpercayaan ke atas setiap paksi nilai dan sub-domain nilai yang diukur. Secara keseluruhan, tahap kebolehpercayaan yang ditunjukkan dari keseluruhan item yang digunakan bagi mengukur setiap paksi nilai dan sub-domain nilai adalah berada dalam julat yang boleh diterima dan memuaskan.

Analisis Tahap Kebolehpercayaan Komponen Orientasi Nilai dan Penilaian Ke Atas Responden Kajian

Paksi	Sub-domain/Kategori nilai	Bil. Item	Tahap Realibiliti (Kebolehpercayaan) - Alpha
Progresif	Nilai ilmu	8	0.6480
	Nilai ekonomi	6	0.6721
	Nilai ilmu + nilai ekonomi	14	0.7352
Integratif	Nilai setiakawan	6	0.5885
	Nilai kuasa/Politik	7	0.7199
	Nilai agama/spiritual	6	0.7908
	Nilai setiakawan + nilai kuasa/politik + nilai agama/spiritual	19	0.7667
Ekspresif	Nilai seni/budaya	5	0.8762
	Nilai estetika alam sekitar	6	0.7156
	Nilai seni/budaya + nilai estetika alam sekitar	11	0.7698

Kawasan dan Metod Kajian

Penyelidikan ini dijalankan pada tahun 2007-2008 dalam usaha untuk memahami masalah kemiskinan dan keterpinggiran masyarakat Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang. Kajian melibatkan sejumlah 394 orang responden daripada kalangan KIR Orang Asli (N=356) dan KIR Melayu (N=38). Kajian meliputi sejumlah 23 buah kampung Orang Asli dan sebuah kampung setinggan Melayu untuk tujuan perbandingan. Kawasan perkampungan ini telah dibahagikan kepada empat jenis petempatan yakni petempatan tradisional/pedalaman Orang Asli (N=15 buah kampung), petempatan In-situ Orang Asli (N=4 buah kampung), rancangan pengumpulan semula Orang Asli (RPS) (N=4 buah kampung), dan petempatan setinggan Melayu (N=1 buah kampung). Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut kampung dan jenis petempatan masing-masing.

Jadual 2. Bil. Responden Mengikut Klasifikasi Kampung dan Jenis Petempatan

Nama Kampung	Bentuk Penempatan				Jumlah Responden
	Petempatan Tradisional/Pedalaman Orang Asli	Petempatan In-situ Orang Asli	Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli	Petempatan setinggan Melayu	
Kg. Teji	12	-	-	-	12
Kg. Cheros	13	-	-	-	13
Kg. Renglas	4	-	-	-	4
Kg. Tiat	3	-	-	-	3
Kg. Sg Loon	7	-	-	-	7
Kg. Leryar	13	-	-	-	13
Kg. Telanok	1	-	-	-	1
Kg. Susu	21	-	-	-	21
Kg. Kuala Boh	18	-	-	-	18
Pos Menson	10	-	-	-	10
Kg. Relong	6	-	-	-	6
Kg. Rantau	6	-	-	-	6
Kg. Sg. Pinang	3	-	-	-	3
Kg. Rening	3	-	-	-	3
Kg. Terakit	5	-	-	-	5
Kg. Sg Ruil	-	60	-	-	60
Kg. Sg Ubi	-	25	-	-	25
Kg. Sg Tiang	-	11	-	-	11
Kg. Sg Kabuk	-	8	-	-	8
Kg. Sg. Telimau	-	-	81	-	81
/Pos Terisu	-	-	14	-	14
Kg. Sg. Jarik	-	-	32	-	32
Kg. Sg. Getan	-	-	-	-	-
Kg. Raja	-	-	-	38	38
JUMLAH	125	104	127	38	394

Pemilihan responden melibatkan mereka yang berusia 18 tahun ke atas daripada pelbagai latarbelakang demografi dan status sosioekonomi. Keutamaan diberikan kepada menemuduga ketua keluarga termasuk individu dewasa lain sebagai pengganti daripada kalangan lelaki dan wanita. Jadual 3 berikut mempamerkan maklumat ringkas mengenai latar belakang responden kajian.

Jadual 3. Latar Belakang Responden Kajian

Perkara	Bilangan (%)
Responden	KIR: N= 376 (95.4%) Diwakil isteri: N=17 (4.3%) Diwakil anak dewasa: N=1 (0.3%)
Jantina Responden	Lelaki: N= 358 (90.9%) Perempuan: N= 36 (9.1%)
Umur Responden	<35: N=151 (38.3%) 35-49: N=158 (40.1%) 50+: N=85 (21.6%) Umur min: 40.6 tahun Umur median: 37 tahun
Etnik Responden	Orang Asli: N=356 (90.4%) Melayu: N=38 (9.6%)
Agama Responden	Animisme: N=190 (48.2%) Islam: N=166 (42.1%) Kristian & lain-lain: N=38 (9.6%)
Tahap Pendidikan Tertinggi Responden	Tidak pernah sekolah: N=140 (35.5%) Sek.Ren / UPSR: N=163 (41.4%) SRP / PMR: N=55 (14.0%) SPM ke atas: N=36 (9.1%)
Status Perkahwinan Responden	Berkahwin: N=346 (87.8%) Bujang: N=4 (1.0%) Duda/janda: N=44 (11.1%)
Pekerjaan Utama Responden	Pekerja bergaji/upah: N=216 (54.8%) Bekerja sendiri: N=163 (41.4%) Menganggur/dll: N=15 (3.8%)
Tingkat Pendapatan Isirumah Responden	<RM400: N=174 (44.2%) RM401-RM700: N=145 (36.8%) RM701-RM1200: N=65 (16.5%) >RM1200: N=10 (2.5%) Pendapatan Min: RM494.57 Pendapatan median: RM495.00

Proses pengumpulan data dilakukan secara bersemuka antara responden dan pembantu penyelidik sewaktu di lapangan berpandukan satu set soal selidik berstruktur yang telah disediakan lebih awal. Temubual juga dilakukan oleh penyelidik utama dengan beberapa pegawai pentabir dari JHEOA Cameron Highlands dan Pejabat Daerah Cameron Highlands, gurubesar dan para guru, pemimpin pendapat setempat termasuk Batin, Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK), Pengurus RPS dan kakitangan kesihatan di kawasan kajian. Data yang dikumpulkan kemudian telah dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk jadual bersilang menggunakan nilai peratusan dan min.

Penemuan Kajian

Perbandingan dilakukan ke atas orientasi nilai dan penilaian responden kajian mengikut latar belakang kaum, jenis petempatan, peringkat kohort umur (generasi), dan pencapaian pendidikan. Diharapkan hasil perbandingan tersebut dapat membantu kita memahami bentuk/pola orientasi nilai dan penilaian yang mendasari kehidupan sosial komuniti kajian dan seterusnya menerangkan bagaimana ia mempengaruhi cara mereka berfikir dan bertindak dalam menghadapi cabaran pembangunan pada masa depan. Maklumat sedemikian juga diharap dapat membantu kita mengenalpasti cabaran-cabaran yang wujud dan seterusnya mensyurkan langkah-langkah wajar bagi menangani cabaran-cabaran tersebut secara efektif pada masa depan.

Orientasi Nilai dan Penilaian Responden Secara Umum

Di sini dibentangkan hasil penemuan ke atas pola-pola dominan orientasi nilai masyarakat Orang Asli dan Melayu di kawasan kajian. Pemerhatian umum (rujuk Jadual 4a) menunjukkan wujud perbezaan skor min ke atas ketiga-tiga paksi nilai di antara responden Melayu dan Orang Asli. Di kalangan responden Melayu, paksi nilai progresif (skor min = 3.68) telah mendahului paksi nilai integratif (skor min = 3.54) dan paksi nilai ekspresif (skor min = 2.18). Sebaliknya, bagi responden Orang Asli pula, paksi nilai integratif (skor min = 3.55) didapati telah mendahului paksi nilai progresif (skor min = 3.45) dan diakhiri dengan paksi nilai ekspresif (skor min = 2.34). Analisis seterusnya ke atas susunan ketiga-tiga paksi nilai tersebut mendapati paksi nilai progresif Orang Melayu berada pada tahap tinggi, manakala paksi nilai integratif di tahap sederhana, sementara paksi nilai ekspresif terletak di tahap rendah. Bagi komuniti Orang Asli, ketiga-tiga paksi nilai ini dilaporkan berada pada tahap sederhana sahaja.

Jadual 4a. Orientasi Nilai Dan Penilaian Responden Kajian Mengikut Latar Belakang Kaum

Kaum	Paksi Progresif	Paksi Integratif	Paksi Ekspresif
Melayu N=38	3.68	3.54	2.18
Orang Asli N=356	3.45	3.55	2.34
Jumlah N=394	3.48	3.55	2.32

NB. Skor min bersamaan 1 – 2.33 dikategorikan bertahap ‘rendah’; skor min 2.34 – 3.66 dikategorikan bertahap ‘sederhana’; dan skor min bersamaan 3.67 – 5.00 dikategorikan bertahap ‘tinggi’.

Dapatan ini menunjukkan bahawa responden Melayu mempunyai orientasi nilai dan penilaian tinggi terhadap nilai progresif kelimuan dan ekonomi berbanding responden Orang Asli yang di tahap sederhana sahaja. Manakala, berkaitan nilai integratif yang menjadi tunggak perpaduan dan semangat kesetiakawanan dalam masyarakat, tidak banyak perbezaan diperhatikan di antara responden Melayu dan Orang Asli. Namun, nilai-nilai hidup murni berasaskan kerjasama, persaudaraan seagama serta hidup sekampung di bawah satu sistem politik/kepimpinan, kini didapati tidak lagi sekukuh dahulu. Umum sedia maklum dalam masyarakat tradisional, nilai-nilai integratif amat disanjung tinggi oleh semua pihak kerana ini merupakan strategi survival yang berkesan terutama bagi mereka yang tidak bersandarkan kepada ekonomi wang yang kompleks. Di sini hubungan kekeluargaan dan hidup berkampung berasaskan ikatan persaudaraan menjadi pengikat dalam hidup bermasyarakat. Namun, perubahan-perubahan yang berlaku akibat proses pemodenan dan pembedaan telah menyebabkan nilai-nilai integratif dalam kehidupan masyarakat Orang Asli dan Melayu, kini semakin longgar. Percaturan politik di peringkat lokal dan nasional turut memberi kesan terhadap nilai-nilai integratif ini.

Merujuk kepada paksi nilai ekspresif seni, responden Orang Asli menunjukkan penghayatan pada tahap sederhana berbanding jiran Melayu mereka pada tahap rendah. Namun, merujuk kepada nilai skor min yang diperolehi, Orang Asli berbanding Melayu untuk paksi nilai ekspresif ini, julat perbezaannya adalah kecil. Dapatan ini menunjukkan bahawa proses pemodenan dan pembedaan yang sedang berlangsung dalam komuniti kajian telah memberi kesan kurang memuaskan ke atas paksi nilai ekspresif penduduk setempat. Amalan-amalan tradisi dalam bentuk kesenian dan penghayatan alam sekitar semulajadi dalam kalangan responden kajian didapati semakin tercabar oleh pengaruh luar dan perkembangan ekonomi pasaran. Kerakusan pihak luar mengeksploitasi kawasan tanah tinggi Cameron Highlands dengan tanaman sayur-sayuran dan bunga-bunga untuk tujuan komersial, diikuti dengan kerancangan pembinaan projek lebuh raya Kuala Lipis - Cameron Highlands menyebabkan banyak daripada kawasan tanah tinggi, kawasan hutan dan sungai yang menjadi punca pencarian dan kehidupan penduduk

setempat kini sudah tercemar dan musnah. Terkesan dengan perkembangan ekonomi pasaran dan projek pembangunan yang sedang berlangsung ini, tahap penghayatan responden terhadap paksi nilai ekspresif seni-budaya dan estetika alam sekitar didapati semakin terugut.

Analisis selanjutnya merujuk kepada maklumat yang terdapat pada Jadual 4b. Di sini maklumat lebih terperinci dibentangkan berkait dengan orientasi nilai dan penilaian responden kajian mengikut sub-domain paksi nilai masing-masing. Skor min untuk nilai progresif ilmu (intelektual dan teknologi) bagi responden Melayu (3.54) didapati lebih tinggi daripada responden Orang Asli (3.41), meskipun kedua-dua skor min ini berada pada tahap sederhana. Ini membuktikan bahawa usaha-usaha pemerintah untuk membawa kemajuan daripada segi ilmu pengetahuan dan kemahiran teknologi bagi melahirkan masyarakat Orang Asli yang progresif masih belum berjaya sepenuhnya.

Berkait dengan skor min untuk nilai progresif ekonomi pula, responden Melayu kekal menduduki tahap tinggi (3.81) berbanding Orang Asli di tahap sederhana (3.48). Penemuan ini sekali lagi menunjukkan bahawa tahap penghayatan responden Orang Asli terhadap nilai-nilai progresif ekonomi setakat ini masih belum setanding dengan jiran Melayu mereka. Penemuan ini juga turut menjelaskan mengapa masyarakat Orang Asli khususnya di Cameron Highlands masih dibelenggu dengan kemelut ekonomi yang tidak berkesudahan meskipun telah dilaksanakan pelbagai program pembangunan desa oleh pemerintah sejak pelancaran DEB hamper empat dekad lalu. Bantuan material dan latihan kemahiran selama ini yang dianjurkan pemerintah masih belum mampu membebaskan komuniti ini keseluruhannya daripada kemelut ekonomi dan kemiskinan yang berterusan.

Jadual 4b: Orientasi Nilai dan Penilaian Responden Kajian Mengikut Sub-Domian Paksi Nilai dan Latar Belakang Kaum

Kaum	Paksi Progresif		Paksi Integratif			Paksi Ekspresif	
	Nilai ilmu (skor min)	Nilai ekonomi (skor min)	Nilai setiakawan dalam keluarga/hubungan sosial (skor min)	Nilai kuasa/politik (skor min)	Nilai agama/spiritual (skor min)	Nilai seni/budaya (skor min)	Nilai estetika alam sekitar (skor min)
Melayu (N=38)	3.54	3.81	3.52	3.62	3.50	2.94	3.48
Orang Asli (N=356)	3.41	3.48	3.71	3.56	3.37	3.26	3.66
Jumlah N=(394)	3.42	3.51	3.69	3.57	3.39	3.22	3.64

NB. Skor min bersamaan 1 – 2.33 dikategorikan bertahap ‘rendah’; skor min 2.34 – 3.66 dikategorikan bertahap ‘sederhana’; dan skor min bersamaan 3.67 – 5.00 dikategorikan bertahap ‘tinggi’.

Pencapaian orientasi nilai progresif ekonomi yang sederhana ini adalah dibayangi oleh persepsi, sikap, amalan dan reaksi kurang proaktif Orang Asli sendiri dalam membuat pelaburan modal, banyak terlibat dalam aktiviti ekonomi kurang berdaya maju, lebih cenderung melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi berskala kecil dan kurang produktif, dan orientasi keluaran yang masih pada tahap sara diri. Sehubungan itu, langkah-langkah proaktif perlu dijalankan oleh agensi-agensi berkaitan untuk meningkatkan orientasi nilai ekonomi mereka ke suatu tahap yang lebih baik. Ini termasuklah menganjurkan kursus dan latihan tertentu bagi memupuk nilai-nilai progresif seperti nilai daya saing, mementingkan pelaburan semula, terlibat dalam aktiviti ekonomi berdaya maju dan ekonomi berskala (*economy of scale*) serta menunjukkan sikap tidak mudah berpuashati dengan pencapaian semasa. Selain itu, nilai-nilai keusahawanan juga perlu dipupuk dan dipertingkatkan dalam kalangan responden Orang Asli. Galakan juga perlu diberi kepada generasi muda Orang Asli untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ekonomi dan pengurusan perniagaan atau perdagangan.

Dalam menganalisis nilai integratif berasaskan semangat kesetiakawanan dalam keluarga/hubungan sosial, agama/spiritual dan kuasa-politik di kalangan responden kajian, rata-rata diperhatikan menduduki tahap sederhana. Bagaimanapun, skor min bagi nilai integratif kesetiakawanan dalam keluarga/hubungan sosial di kalangan Orang Asli masih menduduki tahap tinggi (3.71) berbanding responden Melayu (3.52) di tahap sederhana. Penemuan ini membuktikan bahawa nilai integratif dalam hidup berkeluarga dan bermasyarakat masih kuat dipertahankan oleh masyarakat Orang Asli meskipun pelbagai pengaruh dan cabaran dihadapi mereka dari luar. Bagi nilai integratif agama/spiritual dan kuasa-politik, skor min diperolehi masyarakat Orang Asli adalah lebih rendah daripada jiran Melayu mereka walaupun kedua-duanya terletak dalam tahap sederhana. Penemuan ini menunjukkan bahawa amalan dan nilai tradisi berkaitan agama/spiritual dan kepimpinan setempat yang berperanan penting suatu ketika dahulu dalam memupuk kesepaduan dalam kalangan penduduk, kini didapati pengaruhnya kian berkurangan. Sehubungan itu, wujud keperluan pada saluran kuasa-politik dan badan keagamaan/persatuan setempat untuk mengambil langkah-langkah awal memupuk dan memelihara nilai dan semangat kesepaduan di kalangan penduduk.

Berkait dengan nilai ekspresif seni-budaya dan estetika alam sekitar pula, tahap penghayatan yang ditunjukkan masyarakat Orang Asli adalah lebih baik berbanding jiran Melayu mereka. Skor min responden Orang Asli untuk kedua-dua nilai ekspresif seni-budaya dan estetika alam sekitar ini adalah lebih tinggi (3.26 dan 3.66) berbanding responden Melayu (2.94 dan 3.48). Dapatan ini sekali lagi menunjukkan bahawa dalam keadaan apabila pelbagai cabaran pembangunan dan pemodenan sedang berlaku di Cameron Highlands, masyarakat Orang Asli masih kuat mempertahankan nilai-nilai tersebut. Bagaimanapun, sekiranya tiada usaha lanjut dilaksanakan pihak berkenaan dalam memelihara warisan seni-budaya dan alam sekitar di Cameron Highlands, maka dikhuatiri lambat laun nilai ekspresif seni-budaya dan estetika alam sekitar di kalangan masyarakat setempat akan merosot. Akibat kemerosotan dalam nilai ekspresif seni-budaya ini akan membawa kepada hilangnya identiti dan jatidiri sukuk kaum Asli di Cameron Highlands.

(i) Orientasi Nilai dan Penilaian Responden Kajian Mengikut Jenis Petempatan

Analisis selanjutnya tertumpu kepada orientasi nilai dan penilaian responden kajian mengikut jenis petempatan masing-masing. Diandaikan orientasi nilai dan penilaian berpaksi progresif, integratif dan ekspresif akan berada pada tahap lebih baik bagi mereka yang mendiami kawasan petempatan yang telah dibangunkan berbanding mereka yang kekal di petempatan tradisional di pedalaman. Andaian ini diasaskan kepada suatu premis bahawa usaha-usaha membangun dan memodenkan masyarakat sekaligus dapat mengubah sistem nilai dalam masyarakat tersebut kepada keadaan lebih baik. Misalnya, nilai progresif ilmu/teknologi dan nilai ekonomi di kalangan penduduk di RPS Orang Asli dan petempatan In-situ dijangka lebih tinggi berbanding mereka yang kekal menetap di pedalaman. Begitu juga andaiannya diberi pada dua paksi nilai yang lain iaitu nilai integratif dan nilai ekspresif.

Pengamatan ke atas Jadual 5a dan Jadual 5b menawarkan keputusan sebaliknya. Projek penyusunan semula kampung (projek In-situ) dan rancangan pengumpulan semula kampung (projek RPS) Orang Asli di kawasan kajian masih belum mampu mengubah orientasi nilai dan penilaian penduduk ke arah pola yang diharapkan. Meskipun, petempatan-petempatan ini telah dibangunkan dengan pelbagai kemudahan utiliti dan infrastruktur moden dan maju, namun kesemua ini masih belum mampu membawa perubahan pada orientasi nilai masyarakat kepada suatu keadaan yang lebih baik. Misalnya, skor min untuk nilai progresif di petempatan tradisional di pedalaman lebih tinggi (3.55) berbanding responden Orang Asli di petempatan In-situ (3.44) dan petempatan RPS (3.38). Malahan, jika dibandingkan skor min nilai progresif (ilmu/teknologi dan ekonomi) responden Orang Asli di petempatan In-situ dan petempatan RPS dengan jiran Melayu mereka, jelas skor min jiran Melayu secara keseluruhan berada pada tahap lebih tinggi (3.67) daripada responden Orang Asli. Penemuan sama turut diperhatikan untuk paksi nilai integratif dan nilai ekspresif bagi ketiga-tiga jenis petempatan Orang Asli di Cameron Highlands tersebut. Semakin terbandar dan moden responden kajian di sesuatu jenis petempatan itu, semakin merosot nilai integratif dan nilai ekspresif dalam kehidupan mereka. Perkembangan secara kurang sihat begini menuntut kepada suatu langkah intervensi yang segera daripada pihak berkenaan supaya dipastikan bahawa hala perubahan dalam orientasi nilai dan penilaian responden Orang Asli ini dapat diperbaiki sebelum keadaan lebih parah berlaku.

Jadual 5a. Orientasi Nilai dan Penilaian Responden Kajian Mengikut Jenis Petempatan

Jenis Penempatan	Paksi Progresif	Paksi Integratif	Paksi Ekspresif
Petempatan tradisional/pedalaman Orang Asli N=125	3.55	3.67	2.38
Petempatan insitu Orang Asli N=104	3.44	3.52	2.34
Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli N=127	3.38	3.47	2.29
Petempatan setinggan Melayu N=38	3.67	3.54	2.14

NB. Skor min bersamaan 1 – 2.33 dikategorikan bertahap ‘rendah’; skor min 2.34 – 3.66 dikategorikan bertahap ‘sederhana’; dan skor min bersamaan 3.67 – 5.00 dikategorikan bertahap ‘tinggi’.

Jadual 5b. Orientasi Nilai Dan Penilaian Responden Kajian Mengikut Sub-Domain Paksi Nilai dan Jenis Petempatan

Jenis Penempatan	Paksi Progresif		Paksi Integratif			Paksi Ekspresif	
	Nilai ilmu (skor min)	Nilai ekonomi (skor min)	Nilai setiakawan dalam keluarga/ hubungan sosial (skor min)	Nilai kuasa/ politik (skor min)	Nilai agama/ spiritual (skor min)	Nilai seni/ budaya (skor min)	Nilai estetika alam sekitar (skor min)
Petempatan Pedalaman Orang Asli (N=125)	3.45	3.64	3.68	3.70	3.60	3.54	3.43
Petempatan Insitu Orang Asli (N=104)	3.41	3.44	3.73	3.57	3.25	2.93	4.07
Rancangan Penempatan Semula Orang Asli (N=127)	3.37	3.35	3.73	3.41	3.24	3.24	3.55
Petempatan Setinggan Melayu (N=38)	3.53	3.81	3.50	3.63	3.48	2.90	3.45

NB. Skor min bersamaan 1 – 2.33 dikategorikan bertahap ‘rendah’; skor min 2.34 – 3.66 dikategorikan bertahap ‘sederhana’; dan skor min bersamaan 3.67 – 5.00 dikategorikan bertahap ‘tinggi’.

(ii) Orientasi Nilai dan Penilaian Responden Kajian Mengikut Kohot Umur (Generasi)

Sejauhmana senario orientasi nilai dan penilaian berasaskan jenis petempatan di atas konsisten untuk responden Orang Asli daripada kohot umur (generasi) yang berbeza. Jadual 6a dan Jadual 6b membuktikan suatu kemajuan yang positif daripada segi perubahan dalam orientasi nilai dan penilaian antara satu generasi ke generasi lain di kawasan kajian. Walaupun skor min bagi nilai progresif untuk responden Melayu lebih tinggi pada semua kategori kohot umur berbanding responden Orang Asli, namun suatu perkembangan sihat dapat diperhatikan apabila komponen kohot umur bagi responden Orang Asli dikawal. Bagi ketiga-tiga paksi nilai yang diperhatikan (paksi nilai progresif, nilai integratif dan nilai ekspresif), skor min yang diperolehi responden Orang Asli dalam kohot umur muda (<35 tahun) keseluruhannya lebih tinggi daripada mereka dalam kohot umur pertengahan (35-49 tahun) dan mereka dalam kohot umur 50 tahun ke atas. Perkembangan sihat sebegini membuktikan bahawa perubahan dalam orientasi nilai dan penilaian di kalangan golongan muda Orang Asli masa kini sedang melalui arah perubahan seperti yang diharapkan untuk lebih maju di masa hadapan. Namun demikian, masih terdapat keperluan untuk meningkatkan penghayatan mereka terhadap sebahagian daripada orientasi nilai ini ke tahap lebih tinggi memandangkan apa yang dicapai setakat ini masih di tahap sederhana sahaja.

Jadual 6a. Orientasi Nilai dan Penilaian Responden Kajian Mengikut Kohot Umur

Kaum	Umur	Paksi Progresif	Paksi Integratif	Paksi Ekspresif
Melayu				
N=13	<35	3.57	3.54	2.17
N=22	35-49	3.74	3.56	2.17
N=3	50+	3.71	3.41	2.33
Orang Asli				
N=136	<35	3.51	3.57	2.35
N=134	35-49	3.51	3.60	2.35
N=82	50+	3.27	3.45	2.28

NB. Skor min bersamaan 1 – 2.33 dikategorikan bertahap ‘rendah’; skor min 2.34 – 3.66 dikategorikan bertahap ‘sederhana’; dan skor min bersamaan 3.67 – 5.00 dikategorikan bertahap ‘tinggi’.

Jadual 6b. Orientasi Nilai dan Penilaian Responden Kajian Mengikut Sub-Domian Paksi Nilai dan Kohot Umur

Kaum	Kohot Umur	Paksi Progresif		Paksi Integratif			Paksi Ekspresif	
		Nilai ilmu (skor min)	Nilai ekonomi (skor min)	Nilai setiakawan dalam keluarga/hubungan sosial (skor min)	Nilai kuasa/politik (skor min)	Nilai agama/spiritual (skor min)	Nilai seni/budaya (skor min)	Nilai estetika alam sekitar (skor min)
Melayu N=13 N=22 N=3	<35	3.32	3.82	3.40	3.76	3.47	3.04	3.38
	35-49	3.67	3.81	3.57	3.60	3.51	2.88	3.50
	50+	3.67	3.75	3.67	3.00	3.56	3.00	3.75
Orang Asli N=138 N=136 N=82	<35	3.42	3.61	3.74	3.57	3.42	3.33	3.71
	35-49	3.50	3.49	3.71	3.64	3.46	3.24	3.72
	50+	3.24	3.24	3.69	3.41	3.18	3.14	3.50

NB. Skor min bersamaan 1 – 2.33 dikategorikan bertahap ‘rendah’; skor min 2.34 – 3.66 dikategorikan bertahap ‘sederhana’; dan skor min bersamaan 3.67 – 5.00 dikategorikan bertahap ‘tinggi’.

Misalnya, skor min untuk nilai progresif ilmu (3.42) dan nilai progresif ekonomi (3.61) di kalangan generasi muda Orang Asli (<35 tahun) masih di tahap sederhana. Manakala, skor min untuk nilai integratif kesetiakawanan dalam keluarga/hubungan sosial pula merupakan hanya satu-satunya berada di tahap tinggi untuk semua kohot umur responden Orang Asli. Bagi sub-domain nilai integratif kuasa/politik dan nilai agama/spiritual, masing-masing masih di tahap sederhana walaupun skor min yang diperolehi generasi muda dan pertengahan Orang Asli lebih tinggi daripada mereka dalam kelompok usia 50 tahun ke atas.

Merujuk kepada nilai ekspresif seni-budaya dan nilai estetika alam sekitar, generasi muda dan pertengahan Orang Asli diperhatikan telah mendahului generasi terdahulu (50 tahun ke atas). Penemuan ini merupakan sesuatu yang membanggakan kerana dalam mengharungi arus pemodenan dan pembangunan yang serba mencabar, generasi muda dan pertengahan Orang Asli ini masih mampu mempertahankan nilai-nilai seni-budaya dan nilai estetika terhadap alam sekitar. Namun, penemuan ini tidak bererti kita perlu berpuashati dengan apa yang sedang berlaku. Sebaliknya, masih banyak usaha perlu dilakukan supaya penghayatan generasi muda terhadap nilai-nilai di atas terus dipertahan dan dipertingkatkan ke tahap lebih tinggi. Perbincangan pengkaji dengan beberapa orang tua-tua kampong Orang Asli di kawasan kajian mendapati tidak ramai lagi anak muda Orang Asli masa kini yang menunjukkan minat untuk mempelajari atau mewarisi tradisi seni dan budaya mereka. Mereka lebih cenderung untuk menikmati seni dan budaya moden atau luar. Apa yang dikhuatiri mereka ialah lama kelamaan ilmu tradisi ini tidak

dapat diteruskan dan dijangka pupus apabila generasi tua ini meninggal dunia kelak. Lantas, warisan tradisi seni budaya yang menjadi keagungan dan identiti bangsa/kaum Asli selama ini turut akan tenggelam di telan zaman.

Kegagalan pihak berkuasa melindungi alam sekitar sekitar Cameron Highlands juga turut memberi kesan kepada orientasi nilai dan penilaian komuniti setempat terhadap nilai ekspresif alam sekitarnya. Secara keseluruhan, skor min yang diperolehi berkaitan dengan nilai ekspresif alam sekitar untuk responden Melayu dan Orang Asli adalah di tahap sederhana. Meskipun demikian, bagi kaum Asli di Cameron Highlands, nilai ekspresif alam sekitar yang ditunjukkan generasi muda dan pertengahan masih tinggi. Penemuan ini adalah sesuatu yang menggalakkan memandangkan mereka masih meletakkan nilai tinggi terhadap alam sekitar walaupun mereka sedang berhadapan dengan cabaran besar daripada pembangunan pertanian komersial dan projek pembinaan lebuh raya di sekitar Cameron Highlands.

(iii) Orientasi Nilai dan Penilaian Komuniti Kajian Mengikut Tahap Pendidikan

Analisis seterusnya tertumpu ke atas perbezaan orientasi nilai dan penilaian mengikut pencapaian pendidikan responden (lihat Jadual 7a). Hasil kajian mendapati skor min untuk paksi nilai progresif dan paksi nilai integratif bagi keseluruhan responden Orang Asli berada pada tahap sederhana dan meningkat seiring dengan peningkatan dalam taraf pendidikan. Manakala, bagi paksi nilai ekspresif, skor min yang diperolehi adalah di tahap rendah dan tiada perbezaan ketara diperhatikan antara responden mengikut tahap pendidikan masing-masing.

Jadual 7a. Orientasi Nilai dan Penilaian Responden Kajian Mengikut Kaum dan Tahap Pencapaian Pendidikan

Kaum	Tahap Pencapaian Pendidikan	Paksi Progresif	Paksi Integratif	Paksi Ekspresif
Melayu N=3 N=7 N=9 N=19	Tidak sekolah	3.84	3.53	2.63
	UPSR	3.68	3.48	2.25
	SRP/PMR	3.46	3.52	2.05
	SPM ke atas	3.77	3.59	2.13
Orang Asli N=137 N=156 N=46 N=17	Tidak sekolah	3.27	3.51	2.33
	UPSR	3.52	3.55	2.33
	SRP/PMR	3.63	3.65	2.38
	SPM ke atas	3.84	3.74	2.35

NB. Skor min bersamaan 1 – 2.33 dikategorikan bertahap ‘rendah’; skor min 2.34 – 3.66 dikategorikan bertahap ‘sederhana’; dan skor min bersamaan 3.67 – 5.00 dikategorikan bertahap ‘tinggi’.

Merujuk kepada hasil perbandingan mengikut kaum terhadap ketiga-tiga paksi nilai ini, jelas wujud perbezaan apabila komponen pendidikan diambilkira dalam analisis tersebut. Skor min nilai progresif untuk responden Melayu didapati lebih tinggi berbanding responden Orang Asli pada peringkat pendidikan sekolah rendah dan ke bawah. Sebaliknya, pada peringkat pendidikan SRP/PMR dan SPM ke atas, skor min yang diperolehi responden Orang Asli pula didapati mengatasi responden Melayu. Penemuan ini menarik perhatian kita bahawa kemajuan dalam orientasi nilai Orang Asli masa kini adalah bergantung kepada kemampuan mereka melanjutkan dan menamatkan pendidikan sekurang-kurangnya pada peringkat sekolah menengah. Mereka yang berpendidikan sekolah menengah diperhatikan lebih menghayati orientasi nilai progresif untuk membawa mereka lebih maju di masa depan.

Berkait dengan nilai integratif pula, kelihatan tidak menunjukkan banyak perubahan bagi responden Melayu mengikut tahap pendidikan. Sebaliknya, bagi responden Orang Asli, penghayatan mereka terhadap nilai integratif telah meningkat daripada tahap sederhana pada peringkat persekolahan rendah kepada tahap tinggi apabila mereka mencapai peringkat persekolahan menengah dan ke atas. Ini membuktikan bahawa nilai-nilai integratif terus mengukuh seiring dengan peningkatan dalam pencapaian pendidikan Orang Asli. Dalam hal berkaitan paksi nilai ekspresif, pengaruh faktor pendidikan tidak begitu jelas kerana skor minnya berada pada tahap rendah di semua peringkat pendidikan. Sebaliknya, agak menarik jika fenomena ini diteliti bagi responden Melayu apabila skor min diperolehi untuk paksi nilai ekspresif merosot atau bergerak dalam arah songsang dengan peringkat pendidikan.

Analisis selanjutnya melibatkan perbincangan lebih mendalam ke atas setiap sub-domain orientasi nilai seperti dibentangkan dalam Jadual 7b. Dapatan kajian menunjukkan untuk paksi progresif, skor min untuk nilai ilmu dan nilai ekonomi bagi responden Orang Asli meningkat daripada tahap sederhana ke tahap tinggi seiring dengan peningkatan pencapaian dalam pendidikan. Penemuan ini menunjukkan peningkatan dalam pendidikan melewati tahap sekolah rendah berperanan penting dalam meningkatkan penghayatan responden Orang Asli terhadap nilai ilmu (teknologi) dan nilai ekonomi. Lantaran, usaha perlu diteruskan bagi menjamin agar lebih ramai generasi muda Orang Asli di kawasan kajian berpeluang meningkatkan pencapaian pendidikan masing-masing. Peningkatan pencapaian dalam pendidikan juga diharap kemudian dapat membawa perubahan kepada orientasi nilai progresif terutama nilai ilmu dan nilai ekonomi di kalangan mereka dan seterusnya bertindak sebagai kuasa dalaman yang mampu memotivasi diri untuk lebih maju di masa depan.

Jadual 7b. Orientasi Nilai dan Penilaian Responden Kajian Mengikut Kaum dan Tahap Pencapaian Pendidikan

Kaum Responden	Tahap Pencapaian Pendidikan	Paksi Progresif		Paksi Integratif			Paksi Ekspresif	
		Nilai ilmu (skor min)	Nilai ekonomi (skor min)	Nilai setiakawan dalam keluarga/hubungan sosial (skor min)	Nilai kuasa/politik (skor min)	Nilai agama/spiritual (skor min)	Nilai estetika seni/budaya (skor min)	Nilai estetika alam sekitar (skor min)
Melayu N=3 N=7 N=9 N=19	Tidak	3.88	3.81	3.63	3.04	3.92	3.70	3.56
	Sekolah	3.48	3.88	3.56	3.67	3.21	2.80	3.72
	UPSR	3.35	3.57	3.52	3.48	3.55	2.82	3.36
	PMR/SRP SPM ke atas	3.61	3.92	3.47	3.79	3.51	2.92	3.42
Orang Asli N=137 N=156 N=46 N=17	Tidak	3.25	3.26	3.78	3.44	3.29	3.19	3.66
	Sekolah	3.46	3.57	3.67	3.59	3.36	3.29	3.64
	UPSR	3.62	3.64	3.69	3.73	3.54	3.29	3.76
	PMR/SRP SPM ke atas	3.68	4.00	3.69	3.81	3.71	3.32	3.65

NB. Skor min bersamaan 1 – 2.33 dikategorikan bertahap ‘rendah’; skor min 2.34 – 3.66 dikategorikan bertahap ‘sederhana’; dan skor min bersamaan 3.67 – 5.00 dikategorikan bertahap ‘tinggi’.

Penelitian ke atas sub-domain nilai di bawah paksi integratif terutama bagi responden Orang Asli di Cameron Highland juga menunjukkan bahawa wujud hubungan positif antara tahap pencapaian pendidikan dengan penghayatan responden terhadap nilai kesetiakawanan dalam keluarga/hubungan sosial, nilai kuasa/politik dan nilai agama/spiritual. Semakin tinggi tahap pencapaian pendidikan mereka, maka semakin tinggi skor min untuk ketiga-tiga sub-domain nilai integratif tersebut. Skor min nilai kesetiakawanan diperhatikan kekal pada tahap tinggi dan terus meningkat seiring dengan peningkatan pencapaian responden dalam bidang pendidikan. Pola sama juga diperhatikan untuk kedua-dua nilai integratif kuasa/politik dan nilai agama/spiritual yang menduduki tahap sederhana bagi mereka yang berpendidikan sekolah rendah dan meningkat ke tahap tinggi bagi mereka yang berpendidikan sekolah menengah ke atas.

Penemuan ini sekali lagi membuktikan kepentingan dan sumbangan besar pencapaian pendidikan dalam mengubah orientasi nilai dan penilaian yang mendasari kehidupan masyarakat Orang Asli di kawasan kajian. Peningkatan pencapaian pendidikan dilihat bukan sahaja mampu memupuk nilai-nilai progresif ilmu dan ekonomi dalam kalangan penduduk tetapi juga memperkukuhkan nilai-nilai integratif dalam keluarga/hubungan sosial, termasuk juga berkaitan nilai kuasa/politik dan nilai agama/spiritual. Pendidikan juga dilihat mampu menjadi pencetus kepada proses memperkasa kedudukan kuasa/politik dan membangunkan nilai-nilai agama/spiritual yang baik dalam kalangan komuniti kajian. Lantaran itu, usaha lebih proaktif perlu digerakkan melalui proses

pendidikan supaya proses membangun masyarakat Orang Asli di kawasan kajian dapat terus dipertingkatkan.

Penelitian selanjutnya ditumpukan kepada paksi ekspresif nilai seni-budaya dan estetika alam sekitar mengikut pencapaian pendidikan responden. Hakikatnya, skor min untuk nilai ekspresif seni-budaya bagi responden Orang Asli kekal pada tahap sederhana pada semua peringkat pendidikan berbanding jiran Melayu mereka yang menunjukkan arah kemerosotan. Penemuan ini membuktikan bahawa selain komponen pendidikan, terdapat faktor lain yang lebih berperengaruh dalam menentukan hala tuju perubahan pada nilai ekspresif seni-budaya dalam masyarakat Orang Asli. Oleh itu, usaha memperkukuhkan nilai ekspresif seni-budaya tradisi Orang Asli perlu diberi perhatian oleh pihak berkenaan supaya kelak nilai ini tidak pupus ditelan zaman. Penubuhan badan-badan tertentu bagi membantu memulihara tradisi seni-budaya setempat amatlah dialu-alukan memandangkan begitu banyak cabaran daripada pengaruh seni-budaya luar yang semakin mendominasi seni-budaya masyarakat Orang Asli pada masa kini.

Secara keseluruhan, nilai ekspresif estetika alam sekitar pula tidak banyak menunjukkan perbezaan ketara mengikut pencapaian pendidikan responden. Nilai estetika alam sekitar bagi responden Orang Asli masih tinggi meskipun pelbagai projek pembangunan pertanian dan infrastruktur lebuh raya di sekitar tanah tinggi Cameron Highland telah membawa kemusnahan kepada sebahagian besar dari kawasan hutan dan sungai sekitarnya.

Cabaran meningkatkan orientasi nilai dan penilaian orang asli di kawasan kajian

Cabaran terhadap nilai progresif ilmu (teknologi). Meskipun masyarakat Orang Asli Cameron Highland sudah memperlihatkan penghayatan dan penerimaan terhadap nilai progresif ilmu pada tahap sederhana, namun usaha untuk meningkatkan lagi nilai ilmu dalam kalangan mereka perlu diteruskan. Dorongan untuk meningkatkan orientasi nilai ilmu ke tahap tertinggi dilihat perlu memandangkan ramai daripada generasi muda masih terkandas dipertengahan jalan atau gagal melanjutkan pengajian pada peringkat lebih tinggi selepas menamatkan pendidikan baik di peringkat sekolah rendah apatah lagi sekolah menengah. Tahap orientasi nilai ilmu mereka juga perlu diperbaiki terutama di kawasan petempatan yang telah dibangunkan seperti di Rancangan Pengumpulan Semula dan Petempatan *In-situ* kerana tahap penghayatan dan penerimaan penduduk terhadap nilai ilmu didapati lebih rendah berbanding mereka yang menetap di perkampungan tradisional atau di pedalaman.

Cabaran terhadap nilai progresif ekonomi. Berbanding cabaran terhadap nilai progresif ilmu, penghayatan masyarakat Orang Asli di Cameron Highland terhadap nilai progresif ekonomi diperhatikan lebih baik berbanding penghayatan terhadap nilai progresif ilmu. Namun, secara perbandingan dengan responden Melayu, pencapaian yang ditunjukkan responden Orang Asli masih kurang memuaskan. Bagi membolehkan

masyarakat Orang Asli di Cameron Highland berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan jiran Melayu mereka dalam arus perdana perekonomian dan pembangunan negara, disarankan langkah-langkah lebih serius diambil di pelbagai peringkat bagi memantapkan dan meningkatkan nilai progresif ekonomi masyarakat Orang Asli ini agar mereka mampu bersaing baik pada peringkat lokal mahupun nasional.

Cabaran terhadap nilai integratif kesetiakawanan dalam keluarga/hubungan sosial. Berbanding jiran Melayu mereka, masyarakat Orang Asli di Cameron Highland telah berjaya mempertahankan nilai integratif kesetiakawanan dalam keluarga/hubungan sosial pada tahap lebih tinggi meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran pemodenan dan pembangunan. Penemuan ini merupakan sesuatu yang menarik memandangkan dalam mengharungi kehidupan serba moden yang berteraskan ciri-ciri individualistik dan materialistik, mereka masih mampu meneruskan kehidupan bersandarkan ikatan keluarga yang kukuh dan menjalinkan hubungan sosial yang mantap dalam hidup bermasyarakat. Perlu diingat bahawa sekiranya tiada usaha lanjut dilakukan di masa ini untuk melindungi dan memperkukuhkan nilai-nilai hidup dalam keluarga dan hubungan sosial ini, maka adalah dikhuatiri lambat laun nilai-nilai seumpama ini akan turut mengalami kemerosotan atau luntur.

Cabaran terhadap nilai integratif agama/spiritual. Jelas bahawa tahap penghayatan generasi muda terhadap nilai integratif agama/spiritual adalah lebih memberangsangkan berbanding generasi lebih berusia dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Cameron Highland. Perkembangan ini adalah sesuatu yang boleh dibanggakan. Namun, lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap penghayatan tersebut daripada tahap sederhana kepada tahap lebih tinggi. Apatah lagi, secara perbandingan, tahap penghayatan nilai integratif agama/spiritual generasi muda Orang Asli lebih rendah berbanding dengan jiran Melayu mereka. Justeru, memandangkan nilai integratif agama/spiritual amat penting sebagai asas kesepaduan dan kawalan sosial, maka usaha ke arah meningkatkan penghayatan generasi muda Orang Asli kepada nilai agama/spiritual yang sebenar adalah penting. Dalam konteks ini, usaha lebih agresif daripada badan-badan keagamaan bagi menganjurkan pelbagai program keagamaan dengan melibatkan generasi muda Orang Asli harus disokong dan diberi perhatian sewajarnya.

Cabaran terhadap nilai integratif kuasa/politik. Seajar dengan usaha meningkatkan nilai kesepaduan di kalangan Orang Asli, usaha juga perlu dijalankan untuk meningkatkan kesedaran mereka kepada pentingnya nilai kuasa/politik yang kelihatan kurang memuaskan terutama di kalangan generasi muda Orang Asli berbanding jiran Melayu mereka. Mereka perlu disedarkan bahawa tanpa kuasa dan pengaruh politik, kedudukan mereka yang terpinggir akan berterusan di masa depan. Dalam konteks ini, usaha perlu dijalankan untuk memastikan nilai kuasa dan pengaruh politik yang didokong generasi muda Orang Asli masa ini dapat dipertingkatkan. Ini tidak bermakna bahawa mereka seharusnya terlibat dalam percaturan politik yang membawa kepada perpecahan sesama mereka. Sebaliknya, mereka perlu bersatu dan disedarkan bahawa dengan menghayati nilai-nilai kuasa dan politik yang tinggi, maka mereka dapat memperjuangkan hak dan kedudukan mereka yang terpinggir selama ini.

Cabaran terhadap nilai ekspresif seni-budaya. Berkaitan cabaran terhadap kekuatan nilai ekspresif seni-budaya terutama di kalangan generasi muda Orang Asli, rata-rata masih pada tahap yang memuaskan. Bagaimanapun, penghayatan nilai ekspresif seni-budaya yang ditunjukkan oleh generasi muda masa kini lebih menjurus kepada nilai-nilai seni, rekreasi dan estetika asing atau ala-barat. Dalam usaha memperkukuh jati diri dan akalbudi generasi muda Orang Asli ini, maka langkah memupuk dan menghargai nilai-nilai tradisi ini perlu dipertingkatkan. Antaranya melalui sistem pendidikan dan program-program warisan seni anjuran badan-badan sukarela dan persatuan Orang Asli khususnya. Sementara itu, pihak media massa juga perlu lebih bertanggungjawab sewaktu menyiarkan program-program seni dan budaya asing yang kurang sihat lagi bertentangan dengan tatasusila setempat. Sebaliknya, mereka boleh meningkatkan pengeluaran lebih banyak dokumentari yang merakamkan keunikan seni dan budaya setempat untuk dihayati dan dipelihara untuk generasi masa depan.

Cabaran terhadap nilai ekspresif estetika alam sekitar. Masyarakat Orang Asli di Cameron Highland masih menunjukkan tahap penghayatan tinggi terhadap nilai estetika alam sekitar meskipun kawasan sekitar mereka kian diancam kemusnahan akibat kerakusan pembangunan kawasan pertanian dan pembinaan infrastruktur lebuhraya yang menghubungkan Kuala Lipis dengan Cameron Highland. Dalam konteks ini, pihak berkenaan boleh memanfaatkan pengetahuan tradisional yang dimiliki masyarakat ini tentang cara-cara bagaimana mereka bertindak melindungi alam sekitar di sekeliling mereka supaya kemusnahan alam sekitar Cameron Highland dapat dibendung dan diminimumkan. Kegagalan pihak berkuasa melakukan pemantauan ke atas kegiatan penerokaan kawasan tanah tinggi ini oleh penguasaha kebun sayur akan menyebabkan lambat laun kawasan Cameron Highland tidak lagi dapat mempertahankan identiti dan fungsinya sebagai kawasan pelancongan yang menarik. Lebih memudaratkan lagi ialah kepada masyarakat Orang Asli setempat apabila kegagalan pihak berkuasa mengambil langkah-langkah kawalan alam sekitar yang lebih berkesan, maka kemungkinan ramai yang bergantung hidup kepada sumber hutan dan sungai akan diancam malapetaka yang lebih memudaratkan pada masa depan.

Kesimpulan

Kajian ini bertolak daripada satu premis bahawa kefahaman tentang sistem nilai dan tahap penghayatan terhadap nilai-nilai tertentu mampu menawarkan suatu analisis sistematik mengenai pemikiran dan tingkah laku sosial kelompok berkaitan. Selain itu, penelitian seumpama ini juga mampu menawarkan penjelasan bermakna mengapa sesuatu kelompok sosial itu memiliki persepsi, sikap dan perlakuan tertentu, di samping menjelaskan kenapa wujud perbezaan pencapaian, baik bersifat ekonomi maupun sosial, di antara anggota dalam sesuatu kelompok sosial ini atau antara kelompok sosial yang berlainan.

Berasaskan premis di atas, penulis telah berusaha meneroka pola-pola dominan dalam sistem nilai masyarakat Orang Asli berasaskan penilaian subjektif mereka terhadap

sesuatu situasi dan persekitaran sedia wujud serta pengalaman masing-masing. Penulis juga telah cuba mengenal pasti perbezaan tahap penghayatan nilai-nilai dalam kalangan subjek kajian dari pelbagai latarbelakang demografi, sosial dan ekonomi. Ini dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti konfigurasi nilai yang mendasari kehidupan sosial mereka, di samping mengesan cabaran-cabaran masa depan serta langkah-langkah perlu diambil oleh pihak berkenaan supaya masyarakat setempat dapat terus membangun dan dibangunkan.

Data kajian diasaskan daripada suatu kajian yang dijalankan pada tahun 2007 ke atas 394 ketua isirumah Orang Asli dan Melayu dari empat jenis petempatan (petempatan tradisional, kawasan setinggan, petempatan *In-situ* dan rancangan pengumpulan semula) dalam daerah Cameron Highlands, Pahang. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhan, nilai progresif ilmu (intelektual dan teknologi) dan nilai progresif ekonomi dalam kalangan komuniti kajian masih di tahap sederhana. Kedudukan pada tahap sederhana juga diperhatikan ke atas nilai integratif dalam komuniti terutama yang berkaitan dengan hubungan dalam keluarga/sosial, agama/spiritual dan kuasa/politik. Orientasi nilai ekspresif seni-budaya dan estetika alam sekitar penduduk pula diperhatikan masih tinggi. Secara perbandingan, orientasi nilai dan penilaian yang mendasari kehidupan komuniti kajian di rancangan-rancangan pengumpulan semula dan petempatan in-situ adalah tidak banyak berbeza dengan mereka yang menetap di kampung-kampung tradisional. Ini membuktikan bahawa usaha-usaha pembangunan ke atas komuniti kajian setakat ini masih belum mampu mengubah sistem nilai dan penilaian komuniti kajian secara berkesan. Program pendidikan yang dilaksanakan pihak berkuasa juga setakat ini belum berjaya sepenuhnya meningkatkan kesedaran dan mempengaruhi sistem nilai komuniti kajian terhadap kepentingan ilmu pengetahuan demi kemajuan diri dan keluarga mereka. Buktinya, komposisi pelajar dan belia Orang Asli di kawasan kajian yang berpendidikan diperhatikan masih rendah. Begitu juga keadaannya dengan kedudukan ekonomi komuniti kajian. Pencapaian mereka daripada segi ekonomi masih keterbelakang berbanding kaum-kaum lain di negara ini, meskipun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa melalui rancangan pembangunan jangka pendek dan jangka panjang negara. Dalam konteks ini, usaha ke arah membangunkan sistem nilai dan penilaian berasaskan paksi progresif, integratif dan ekspresif untuk mendasari kehidupan sosial, ekonomi dan politik Orang Asli perlu diberi perhatian serius oleh pihak berkenaan dalam rancangan-rancangan pembangunan mereka pada masa depan.

Bibliografi

- Abdul Hamid Abdullah, Rahimah Abdul Aziz dan Sulong Mohamad. 1987. Development and Socio-cultural Changes in Rural Malaysia. *Akademika* 30 Januari: 29-48.
- Dahlan, H.M. 1990. Struktur kejiwaan sosial orang bandar. Dalam Abdul Samad Hadi dan Sulong Mohamad (ed.) *Pembangunan dan Transformasi Bandar Negeri Sabah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia – Yayasan Sabah, Bangi.
- Kahl, J.A. 1968. *The Measurement of Modernism: A Study of Values in Brazil and Mexico*. The University of Texas Press, Austin, Texas.
- Firth, R. 1966. *Malay Fishermen: Their Peasant Economy*. Routledge and Kegan Paul. London.
- Kroeber, A.L. 1948. *Anthropology*. New York: Harcourt, Brace and Co.
- Kroeber, A.L. dan Kluckhohn, C. 1952. "Culture: A Critical Review Of Concepts And Definitions". *Papers of the Peabody Museum of American Archeology and Ethnology*. Vol.47, No.1.
- Mohd. Aris Othman. 1978. Non-Economic Factors which Affect Economic Development of Rural Malays. *Akademika* 13: 1-10.
- Ness, G.D. 1967. *Bureaucracy and rural development in Malaysia*. University of California Press: Berkeley & Los Angeles.
- Parkinson, B.K. 1967. Non-economic factors in the economic retardation of the rural Malays. *Modern Asian Studies*, Vol.1, Part 1, January.
- Rajmah A. Samad. 1978. Perubahan Ekonomi, Sosial Dan Teknologi Di Kalangan Masyarakat Tani Sungai Besar, Selangor. *Kertas Penyelidikan Tak Berkala (1)*, Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sikula, A.F. 1971. Values And Values System: Relationship To Personal Goals. *Personnel Journal* 50: 310-312.
- Sutan Takdir Alisjahbana, S.H. 1966. *Values as Integrating Forces in Personality, Society and Culture*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sutan Takdir Alisjahbana, S.H. 1977. *Perkembangan Sejarah Kebudayaan Indonesia Dilihat Dari Jurusan Nilai-nilai*. Jakarta: Idayu Press.
- Swift, M.G. 1965. *Malay peasant society in Jelebu*. London: The Athlone Press.

Wan Hashim Wan The. 1977. The Decline of Traditional Social Institutions in a Malay Peasant Community. *Akademika* 11 Julai: 51-62.

Wan Hashim Wan Teh. 1976. Struktur Ekonomi Moden dan Perubahan Sistem Nilai Masyarakat Melayu Luar bandar – Kajian Kes Sebuah Kampung Melayu di Hulu Perak. *Akademika* 9: 41-52.

Wilkinson, R.J. 1967. Papers on Malay Customs and Beliefs, *Journal of the Royal Asiatic Society. Malayan Branch*, Vol.1, Part 1, January.

Yaacob Harun. 1993. *Keluarga Melayu Bandar: Satu Analisis Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.